



HUKM3.10.4/224/2/4

23 Januari 2015

PEKELILING KEWANGAN BIL. 4 /2015

Semua Ketua Jabatan / Pusat / Unit
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PINDAAN KRITERIA KELAYAKAN PERMOHONAN TEMPAHAN COP BAGI
JABATAN - JABATAN DI PUSAT PERUBATAN UKM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan kepada YBhg. Prof / Dato' / Datin / Tuan / Puan, terdapat pindaan kepada Pekeliling Kewangan Bil. 20/2013 berkenaan Kriteria Kelayakan Permohonan Tempahan Cop Bagi Jabatan – Jabatan di Pusat Perubatan UKM bertarikh 18 November 2013.

2. Berdasarkan Pekeliling Kewangan di atas perkara iii) b) Kakitangan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 – 32) termasuk Jururawat Terlatih (U29) dibenarkan tempahan cop getah/kayu, maksimum 1 unit. Walaubagaimanapun setelah meneliti semula berdasarkan keperluan semasa, tempahan cop bagi Kakitangan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 – 32) kecuali Jururawat Terlatih (U29) tidak dibenarkan kecuali disebabkan oleh keperluan tugas yang memerlukan pengesahan, dan permohonan perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Kewangan terlebih dahulu.


3. Selain daripada peraturan ini, peraturan-peraturan lain di Pekeliling Kewangan Bil 20/2013 adalah masih dikekalkan.

4. Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa serta merta.

Sehubungan dengan itu, diharap pihak YBhg.Prof/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memanjangkan pekeliling ini kepada kakitangan di Jabatan/Pusat/Unit masing-masing.

Sekian, segala kerjasama dan perhatian yang diberikan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,



RABIAH BINTI HJ. ARHAM
Ketua
Jabatan Kewangan
Pusat Perubatan UKM

s.k - Dekan Fakulti Perubatan dan Pengarah, PPUKM
